

27 JAN 2001

Mahathir-Polis

POLIS MESTILAH BERSIKAP PROFESIONAL, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata anggota pasukan keselamatan khususnya polis dan tentera mestilah bersikap profesional dan sentiasa taat kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata dalam sistem pentadbiran negara, amatlah penting bagi pegawai-pegawai awam, polis atau tentera mengikut kehendak kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

"Kalau kita mempunyai pendirian yang berbeza daripada kerajaan dan kerana itu apabila sesuatu arahan yang dibuat dan tidak dipersetujui serta kita tidak laksanakannya, maka sudah tentu huru-hara akan berlaku dalam negara."

"Ini kerana polis sudah tidak berkesan lagi kerana polis tidak lagi mengikut arahan kerajaan," katanya semasa berucap pada majlis pertemuan dengan 460 anggota wakil Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata keadaan itu amat berbahaya kepada Malaysia apabila kerajaan tidak lagi berkesan dan seterusnya tidak lagi mendapat kesetiaan rakyat.

Bagi bekas-bekas polis, pendirian yang bercanggah dengan kerajaan semasa berkhidmat tidak timbul sama sekali tetapi bagi generasi baru polis kini, mereka menghadapi pelbagai tekanan pengaruh yang memaksa mereka tidak lagi bersikap profesional, katanya.

"Sebab itu, kita (kerajaan) mahukan perkhidmatan profesional daripada kakitangan kerajaan mengikut kehendak perlembagaan khasnya oleh pegawai yang berdisiplin (polis dan tentera) menurut keputusan kerajaan semasa," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana polis dan tentera di negara ini tahu tanggungjawab masing-masing untuk menjaga keselamatan negara dengan cekap, sempurna dan berdisiplin sehingga rakyat berasa selamat.

Beliau berkata, tidak seperti negara lain yang menghadapi masalah keamanan kerana polis tidak begitu cekap dan berdisiplin sehingga ada yang menekan dan menindas rakyat.

Dr Mahathir berkata rakyat negara ini bagaimanapun ada kalanya tidak menghargai keselamatan dan peranan yang telah dimainkan oleh polis.

Dr Mahathir yang berucap selama sejam turut berulang kali menegaskan tentang pentingnya keamanan serta peranan pasukan keselamatan bagi membolehkan kerajaan menjalankan tugasnya untuk membangunkan negara.

Beliau berkata telah banyak berlaku cubaan merampas kuasa di negara-negara membangun yang lain yang dilakukan khususnya oleh pemimpin pasukan bersenjata yang mempunyai cita-cita besar untuk berkuasa dan menggunakan kekuatan pasukan keselamatan berikutan sikap yang tidak profesional.

Di beberapa negara pula, Perdana Menteri berkata kerajaan ditubuh dan dijatuhkan akibat kuasa pasukan keselamatan sehingga kerajaan sering bertukar ganti dan negara menjadi tidak tenteram apabila kesetiaan pasukan keselamatan memihak kepada pemimpin tertentu.

"Di Malaysia, alhamdulillah, kita lihat tidak ada pegawai tinggi (pasukan keselamatan) yang cuba menjadi hero kepada pasukannya dan cuba merampas kuasa. Rank and file pula tidak menerima cara itu sebaliknya rank and file tahu bahawa tugas mereka ialah menerima segala arahan daripada kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Katanya walaupun ada di kalangan anggota polis dan tentera di negara

ini yang "tidak seronok" dengan kerajaan tetapi arahan tetap dipatuhi dan ini membolehkan kerajaan mentadbir dengan berkesan.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan cara tertentu untuk mentadbir negara dengan menubuhkan kerajaan pilihan rakyat menerusi pilihan raya dalam tempoh lima tahun sekali.

Beliau berkata pemimpin yang dipilih untuk membentuk kerajaan pula hanya mempunyai "legitimacy" kerana dipilih oleh rakyat bagi mentadbir dan memerintah negara.

Oleh itu, katanya anggota kerajaan mestilah sanggup menerima arahan kerajaan pilihan rakyat.

Perdana Menteri berkata sementara kerajaan yang dipilih oleh rakyat tidak kekal kerana rakyat mempunyai kuasa untuk memilih kerajaan, khidmat anggota kerajaan sama ada awam, polis atau tentera akan terus kekal walaupun bertukar kerajaan.

"Sebaliknya, anggota politik yang mendapat mandat lima tahun saja untuk teruskan, perlu terus mendapat mandat dan sokongan rakyat. Selepas itu, kita kena ada pilihan raya untuk menentukan sama ada kerajaan dapat meneruskan kerajaan atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata sistem pemerintahan yang dilaksanakan di negara ini adalah bukti kebaikan yang membawa keamanan dan ketenteraman negara ini sehingga begitu ramai rakyat negara asing datang ke negara ini untuk mencari rezeki.

Beliau berkata sebagai bekas polis yang mengetahui peranan dan tanggungjawab kepada keamanan dan ketenteraman negara, mereka masih boleh menyumbang walaupun tidak lagi aktif sebagai polis.

"Saya yakin kita masih boleh menyumbang kerana kita faham tentang sistem (pentadbiran) kita ini dan ada orang yang tidak faham yang kita perlu perjelas kepada mereka. Takkanlah kita mahu negara kita ini tidak tenteram, kalau tidak tenteram dan tidak aman kita tidak boleh maju," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut meluangkan masa untuk berdialog dengan wakil persatuan.

Perdana Menteri turut menerima ikrar taat setia berdiri teguh menyokong kerajaan pimpinannya daripada beberapa wakil persatuan dan Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia, Mansor Jaafar.

-- BERNAMA

HS DC ZB